



Antara kerosakan dialami PSA akibat ribut dan hujan batu, petang ini.

PSA rosak dilanda ribut, hujan batu

Oleh MOHD YUNUS YAKKUB 27 Januari 2022, 7:25 pm

SHAH ALAM — Ribut dan hujan batu yang melanda khususnya di Seksyen 13 di sini turut mengakibatkan kerosakan kepada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA).

Berdasarkan perkongsian di Facebook rasmi PSA menunjukkan antara kerosakan dialami termasuklah bumbungtercabut dan runtuh, cermin surau, bilik pejabat, serta beberapa buah kenderaan.

“Keadaan PSA selepas dilanda ribut dan hujan batu petang tadi.

“Moga dipermudahkan segala urusan sahabat-sahabat di PSA. Aamiin,” katanya dalam hantaran tersebut.

Seorang pengguna, Cik Puan Dea nyata terkejut dengan kejadian menimpa PSA yang merupakan tempat pengajian sebelum ini. “Allahuakhbar, semoga yang baik-baik sahaja. Walaupun dah 18 tahun meninggalkan kampus ni, masih segar dalam ingatan,” ujarnya. - K!ONLINE